



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/G016(01)
Tarikh : 3 Ogos 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,

**PEMBAYARAN OVERBAJET BAGI BANTUAN KHAS PENGHARGAAN (BKP) PENJAWAT AWAM
TAHUN 2023**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada permohonan PTJ bagi keperluan **menyediakan Arahan Pembayaran Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Tahun 2023** untuk pegawai yang layak di luar sistem payroll yang akan dibayar pada **10 Ogos 2023**, sistem iGFMAS akan membuka sekatan over budget OS17000 untuk pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2). Permohonan pembukaan sekatan overbajet adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO(S)600-8/2/9Jld.2(3) bertarikh 31 Julai 2023 dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/4(33) bertarikh 1 Ogos 2023.
3. Sehubungan dengan itu, Pihak PTJ boleh menyediakan baucer berasingan **Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2)** bermula **7 Ogos 2023 sehingga 17 Ogos 2023**. Walaubagaimana pun, Pihak JANM Kedah akan mula menyemak baucer tersebut bermula **8 hingga 17 Ogos 2023**. Sila pastikan baucer tersebut selesai diperaku 2 selewat-lewatnya **10.00 pagi pada 17 Ogos 2023 (Khamis)** bagi melancarkan proses pembayaran tersebut.
4. Manakala bayaran Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Tahun 2023 Mystep pula boleh dibayar samada melalui Daily Rated / Arahan Pembayaran berasingan bersama gaji Bulan Julai 2023 pada awal bulan Ogos 2023 selewat-lewatnya pada hari ketujuh (ke-7) bekerja bulan berikutnya.
5. Bagi memastikan tiada berlaku keciciran pembayaran kepada pegawai yang layak maka PTJ hendaklah menyemak dengan lebih teliti dan rapi agar tiada keciciran berlaku selepas ini. Sila pastikan Pembayaran hendaklah mengikut **SPANM Bilangan 4 Tahun 2023** seperti berikut:

MODUL BAYARAN	NO .KELULUSAN	KOD AKAUN	PERIHAL BAYARAN
Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan (K2)	ANM/KD/OPS/G016 (01) ** Rujukan no kelulusan untuk semua PTJ dan PTJ tidak perlu memohon kelulusan bayaran baucar berasingan	B0117102 (Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam) B0117202 (Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan) B0229306 (Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau yang tidak menyandang jawatan tetap)	i. BKP TAHUN 2023 (No.Ruj dan Tarikh Kelulusan JANM) ii. BKP Tahun 2023 (MYSTEP)

6. Adalah diingatkan , PTJ/PC hendaklah menyediakan Kew 8 bagi tujuan pengemaskinian maklumat penerima BKP Tahun 2023 di dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

" MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


NORAZLIN BINTI SAMAD
 Penolong Akauntan Tinggi W36
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah